

**TEKS UCAPAN  
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
MALAM ANUGERAH CENDEKIA BITARA 2015  
PADA HARI JUMAAT, 20 MEI 2015, PUKUL 8.30 MALAM  
DI ZENITH HOTEL, KUANTAN**

---

**SALUTASI**

Saudara pengacara majlis;

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob,

Menteri Besar Pahang;

Yang Hormat Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib,

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang

dan Yang Berbahagia Datin;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusof,  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana  
Anugerah Cendekia Bitara 2015;

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail,  
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti);

Profesor Dr. Zulkefli Yaacob,  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat);

Pegawai-pegawai Utama, Dekan-dekan,  
Pengaruh-pengaruh dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Para wakil rakan industri dan strategik UMP;

Saudara Madyasir Ahmad Basir,

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar;

Para penerima anugerah yang diraikan;

Wakil-wakil media massa;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi;

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

### **KATA PEMBUKA**

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu dalam Majlis Anugerah Cendekia Bitara bagi edisi kali ini.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak pengurusan dan seluruh warga Universiti Malaysia Pahang, saya ingin merakamkan ucapan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob selaku tetamu kehormat Majlis Anugerah Cendekia Bitara 2015 ini.
3. Memasuki tahun kelapan dalam edisi penganjurannya, Majlis Anugerah Cendekia Bitara terus mengekalkan prestijnya sebagai medan pengiktirafan buat warga kerja Universiti ini, khasnya dalam kalangan akademia yang telah mencapai kejayaan yang terbilang dalam lapangan penyelidikan, inovasi, pengkomersialan dan penerbitan.
4. Dengan kategori-kategori anugerah yang telah dikenal pasti khusus, termasuklah Anugerah Akademik Universiti, maka acara ini merupakan satu wahana penting yang mendorong motivasi para akademia di Universiti ini untuk terus aktif berkarya bagi maksud pengembangan intelektualisme dan manfaat sejagat.

5. Anugerah Cendekia Bitara 2015 menampilkan lapan kategori iaitu Jurnal, Produk, Tokoh, Paten, Kreativiti, Geran Antarabangsa, Kualiti dan Buku. Sukacita saya memaklumkan bahawa sebanyak 415 pencalonan telah diterima bagi Anugerah Cendekia Bitara kali ini dengan pencalonan tertinggi dicatatkan oleh kategori Jurnal iaitu sebanyak 344 pencalonan iaitu sebanyak 83%. Terdapat juga peningkatan kepada bilangan pemenang bagi kategori Paten, Geran Antarabangsa dan Kualiti pada tahun ini.
  
6. Anugerah Akademik Universiti 2015 pula menampilkan dua kategori utama iaitu Anugerah Pengajaran Cemerlang bagi tiga sub-kategori iaitu Kejuruteraan, Sains Gunaan dan Sains Sosial Gunaan serta Anugerah Inovasi bagi dua sub-kategori iaitu E-Pembelajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar.

## MEMASYARAKATKAN TEKNOLOGI

7. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja,  
tuan-tuan dan puan-puan;

Edisi Majlis Anugerah Cendekia Bitara kali ini begitu signifikan kerana Universiti ini kini berada pada tahun permulaan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020. Dengan sasaran untuk menjadikan UMP sebuah universiti teknologi terunggul menjelang tahun 2020, pelaksanaan Pelan Strategik tersebut didasari oleh tagline *Communitising Technology* atau Memasyarakatkan Teknologi.

8. Dengan keunikan dan kepelbagaian citra intelektualismenya, universiti telah diakui sebagai antara agen penting yang mentransformasi masyarakat dan mencorak tamadun. Hal ini bukanlah sesuatu yang asing, malah telah diangkat sebagai satu agenda global yang kritikal untuk didakap oleh para akademia di universiti.

9. Peranan universiti terhadap pembangunan sosiobudaya dan ekonomi masyarakat kontemporari dan seterusnya membina peradaban masa hadapan telah disebut dengan jelas pada mukaddimah (*preamble*) *The World Declaration on Higher Education for the Twenty-first Century: Vision and Action* yang diperkenalkan pihak UNESCO pada tahun 1998.
  
10. Maka itulah, melalui Pelan Strategik UMP 2016-2020, aspek kemasyarakatan tersebut diberikan tumpuan yang khusus dalam kelima-lima lonjakan strategik yang telah dikenal pasti. Dalam konteks ucapan saya pada malam ini, aspek kemasyarakatan ini amat berkait rapat dengan Lonjakan Strategik Ketiga dan Keempat iaitu Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi serta Kemampanan Sosioekonomi dan Persekitaran.

11. Dengan kesedaran bahawa universiti generasi baharu seperti UMP adalah lebih dinamik, pragmatik dan progresif sifatnya, maka pihak pengurusan UMP komited untuk membangunkan potensi dan daya saing Universiti ini dalam konteks membawa ilmu pengetahuan dan teknologi ke lapangan masyarakat.
  
12. Apatah lagi, kepakaran kejuruteraan, saintifik dan teknologi yang dimiliki Universiti ini sangat berkait rapat dengan isu-isu yang paling pokok di peringkat masyarakat akar umbi seperti keperluan tenaga elektrik, bekalan air bersih dan penggunaan bahan bakar.



13. Di sinilah letaknya asas yang menjustifikasi tuntutan untuk UMP bermasyarakat dalam konteks yang lebih strategik dan menambah nilai, sebagaimana yang dilakukan oleh sekumpulan warga kerja dan mahasiswa Universiti ini dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FteK) dan Persatuan Wanita UMP (MATAHARI) di Banda Aceh, Republik Indonesia baru-baru ini. Melalui Misi kemanusiaan Aceh di Rumah Kebajikan Dayah Nurul Huda tersebut, UMP telah menyalurkan kepakarannya dalam teknologi penapisan air dan tenaga solar bagi manfaat kumpulan sasaran di sana.
  
14. Misi tersebut hanyalah satu contoh daripada pelbagai lagi komitmen yang telah, sedang dan akan dilaksanakan Universiti ini untuk memaknakan *tagline* "*Communitising Technology*" tersebut seluas dan sedalam mungkin, untuk masyarakat setempat di negeri Pahang dan rakyat Malaysia khususnya, dan komuniti sejagat amnya. Maka itulah sebabnya juga *tagline* yang sama dipilih sebagai tema Majlis Anugerah Cendekia Bitara bagi edisi kali ini.

## **PENCAPAIAN SEMASA UMP**

15. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja,  
tuan-tuan dan puan-puan;

Sehingga tahun 2015, UMP telah menerima geran penyelidikan dengan nilai pembiayaan berjumlah RM 51.2 juta bagi 729 projek penyelidikan. Angka ini merupakan peningkatan sebanyak 19.35% berbanding RM 42.9 juta pada tahun 2014. Dalam tempoh tersebut juga, UMP telah menerima tiga geran antarabangsa berjumlah RM 66 ribu daripada negara Arab Saudi dan Republik Indonesia.

16. Selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk meningkatkan penglibatan Universiti Awam bagi membantu peningkatan produktiviti pihak swasta, UMP telah turut menyumbang kepakarannya dalam aktiviti inovasi dan penyelidikan gunaan melalui inisiatif *Public-Private Research Network* (PPRN). Bagi maksud ini sebanyak RM 185 ribu perolehan dana telah direkodkan bagi lima (5) projek penyelidikan kontrak bersama syarikat-syarikat swasta yang terpilih.
  
17. Sukacita juga saya melaporkan di sini bahawa UMP telah turut mencatatkan peningkatan yang ketara dalam jumlah projek perundingan dan khidmat teknikalnya sepanjang tahun 2015. Nilai RM 5.5 juta bagi projek perundingan dan khidmat teknikal pada tahun 2015 tersebut merupakan peningkatan sebanyak 198% berbanding hanya RM 1.8 juta pada tahun sebelumnya. Ini sekaligus merupakan satu petunjuk positif mengenai keyakinan para pemain industri dan komersial terhadap keupayaan dan kepakaran teknikal yang dimiliki oleh UMP.

18. Dalam konteks pengkomersialan pula, selain daripada lapan (8) projek yang kini diberikan bantuan dana prapengkomersialan oleh UMP sebanyak RM 250 ribu, tumpuan turut diberikan untuk mengkomersialkan produk-produk penyelidikan yang berpotensi tinggi. Dalam konteks ini, UMP Ecopest Sdn Bhd iaitu syarikat terbitan Universiti ini telah berjaya memperolehi geran *Commercialisation of R&D Fund* (CRDF1) berjumlah RM 500 ribu dari Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) bagi mengkomersialkan Pisoptera, iaitu produk pembasmi serangga yang dibangunkan oleh Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam.
  
19. Tumpuan terus diberikan untuk mengembangkan kapasiti UMP untuk mengeluarkan penerbitan ilmiah yang berkualiti. Sehingga Disember 2015, sebanyak 7,072 sitasi telah diperolehi melalui penerbitan artikel-artikel jurnal iaitu peningkatan sebanyak 54% berbanding hanya 4,591 sitasi pada tahun 2014.

20. Pada masa yang sama juga, keupayaan UMP untuk meningkatkan jumlah penerbitan berkualiti yang diindeks oleh pengkalan data terkenal dunia seperti SCOPUS dan *Elsevier Bibliographic Database* (EBD) menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Sehingga tahun 2015, UMP mencatatkan 541 penerbitan berindeks, iaitu peningkatan sebanyak 70% berbanding hanya 319 pada tahun sebelumnya.
21. UMP turut memandang serius keperluan untuk melindungi harta inteleknya secara sistematik berdasarkan kerangka perundangan sedia ada demi kepentingan para penyelidik kami. Sehingga tahun 2015, sebanyak 343 permohonan paten telah difailkan di Malaysia manakala sembilan (9) lagi paten difailkan di luar negara. Daripada jumlah tersebut, 23 paten telah menerima status *patent granted* dan dua (2) daripadanya adalah *patent granted* dari negara Amerika Syarikat. Selain paten, harta intelek lain milik UMP yang turut dilindungi ialah 69 hakcipta, 16 cap dagangan dan 11 rekabentuk industri.

22. Sukacita saya menyatakan bahawa pada tahun 2015, UMP telah menyertai tiga (3) pameran dan pertandingan projek penyelidikan dalam negara dan empat (4) lagi di luar negara. Pencapaian UMP dalam semua pertandingan dan pameran yang disertai ini amat membanggakan dengan kejayaan memperolehi 24 pingat emas, 18 pingat perak, sembilan (9) pingat gangsa dan sembilan (9) anugerah khas.

**PERKEMBANGAN PROJEK TAMAN BIOAROMATIK PAHANG**  
**DAN UMP INDUSTRIAL TECHNOLOGY ENGINEERING**  
**CREATIVITY SPACE (ITECS)**

23. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja,

Tuan-tuan dan puan-puan;

Adalah menjadi tekad pihak pengurusan UMP untuk memastikan projek Taman Bioaromatik Pahang di tapak seluas 180 ekar di mukim Luit, daerah Maran berjalan lancar sebagaimana yang dirancang dengan sokongan dan bantuan Kerajaan Negeri Pahang dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

24. Dengan dana permulaan sebanyak RM 500 ribu yang diterima daripada ECERDC pada 8 Mac 2016 yang lalu, maka Plot Percubaan seluas dua (2) hektar kini sedang dibangunkan dengan kerjasama Gaya Naturals Sdn Bhd iaitu antara pengeluar utama minyak nilam dunia yang berpangkalan di negeri Sabah dan dijangka beroperasi mulai Jun 2016.
  
25. Plot yang dibangunkan tersebut akan memfokus kepada tanaman herba nilam selain kemudahan fizikal untuk unit pejabat, kediaman, ruang kerja dan tapak semaian yang berupaya menampung sehingga 5,000 pokok. Kerjasama tersebut juga turut melihat prospek pembangunan Taman Bioaromatik Pahang sebagai sebuah Pusat Perniagaan Pertanian, terutamanya yang melibatkan komponen dan produk berasaskan herba aromatik dalam jangka masa panjang.



26. Selain itu, pihak pengurusan Universiti ini turut komited terhadap pembangunan projek *Industrial Technology Engineering Creativity Space* (ITECS) di tapak seluas 20 ekar di UMP sebagaimana yang diumumkan sebelum ini. Dalam fasa kedua pembangunannya kini, UMP telah mengenalpasti dua rakan utama kerjasama projek ini iaitu Switch Vehicles Inc yang berpangkalan di California, Amerika Syarikat bagi inkubasi pembangunan kenderaan berkuasa elektrik dan Encr8tor Technologies Sdn Bhd bagi inkubasi industri enkripsi data.
27. Projek-projek yang dinyatakan tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif untuk menjadikan UMP sebuah universiti teknologi terunggul, dan pada masa yang sama turut berperanan secara konstruktif untuk memasyarakatkan teknologi sebagaimana yang diaspirasikan melalui Pelan Strategik UMP 2016-2020.

## **KATA PENUTUP**

28. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja,  
Tuan-tuan dan puan-puan;

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil peluang untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pahang atas sokongan berterusan yang diberikan kepada UMP selama ini. Adalah menjadi harapan saya dan pihak pengurusan agar keharmonian dan kemesraan hubungan tersebut dapat terus dikekalkan dan dimantapkan lagi dalam pelbagai lapangan pada masa akan datang.

29. Sokongan daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, industri dan rakan strategik lain di dalam dan luar Malaysia membolehkan UMP membina jenama dan menggilap tanda mutunya dengan prestasi dan daya saing yang tinggi.

30. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Jabatan Penyelidikan & Inovasi dan semua Pusat Tanggungjawab yang telah memberikan komitmen tinggi untuk menjayakan edisi kelapan Majlis Anugerah Cendekia Bitara ini.
31. Mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus melimpahkan rahmat peliharaan dan perlindungannya kepada kita semua, Universiti ini, negeri Pahang dan negara Malaysia dengan naungan kesejahteraan, keselamatan, kemakmuran dan kecemerlangan, *Amin.*

Sekian,

*Wabillahi taufiq walhidayah,*

*wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*